Penduduk sifatkan banjir kedua terburuk selepas 2003

SABAK BERNAM – Penduduk yang tinggal di Projek Perumahan Rakyat Termiskin Kampung Sungai Tengar Utara menyifatkan fenomena air pasang yang berlaku semalam merupakan kejadian kedua terburuk selepas 2003.

Seorang penduduk, Mohd. Halim Nazeri, 29, berkata, fenomena air pasang pada hari kedua itu telah mengakibatkan penempatan mereka dinaiki air setinggi 0.4 meter bermula pukul 7 pagi dan surut kira-kira dua jam kemudian.

Bagaimanapun katanya, banjir yang berlaku itu tidak seburuk 10 tahun lalu yang mencecah sehingga satu meter.

"Tindakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memasang pam air bagi menyedut keluar air banjir berjaya mengurangkan risiko rumah penduduk dinaiki air lebih tinggi," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Mohd. Halim memberitahu, banjir tersebut berlaku berikutan benteng mini baharu yang dibina JPS malam kelmarin pecah.

Sementara itu, seorang lagi mangsa banjir, Azlin Marjuki, 22, berkata, dia hanya menyedari air melimpah ke halaman rumah selepas dimaklumkan ibunya, Salina Shahid, 50, kira-kira pukul 6.30 pagi.

"Waktu itu saya mahu menunaikan solat Subuh sebelum mendengar ibu menjerit air sudah naik," katanya.

Azlin berkata, dia terpaksa meredah air banjir itu sambil mendukung bayinya, Nuraina Afifah Abdullah yang berusia empat bulan untuk menyelamatkan diri.